

KERASULAN - DIPANGGIL. DIPILIH. DIUTUS KERTAS RENUNGAN K.E.D. -

BULAN MEI 2014 DIPILIH SECARA PERIBADI DARI KHALAYAK RAMAI FOKUS

Walaupun banvak orang telah dipanggil, namun Yesus hanya memilih setengah-tengah orang untuk menjadi pengikut-pengikutNya yang tersendiri.

PEMBUKAAN

Yesus memilih 12 orang untuk menjadi pengikut-pengikutNya yang tersendiri supaya mereka dapat tinggal bersamaNya, belajar daripadaNya dan akhir sekali mencontohiNya. Dengan itu, terbentuklah satu komuniti yang mesra dengan Yesus dan saling mencintai. Untuk dipilih, kita juga perlu mengambil langkah pertama ke depan. Perasaan takut dan bimbang harus diketepikan supaya tidak menjadi penghalang untuk kita yang ingin mendekati Tuhan. Sebenarnya, pilihan kita untuk menjadi pengikut-pengikut Yesus harus dipandang sebagai suatu rezeki Tuhan yang unik dan sepatutnya dihargai.

NYANYIAN PEMBUKAAN: " ONCE NO PEOPLE "

*For we are a chosen race, a royal priesthood, a holy nation
Once no people, now God's people Proclaiming His
marvellous light.*

*1) Sing the song of faithful Zion We are the
stars and the grains of sand Through our
faith we are made glorious We are the sons
of Abraham.*

*2) Dance the steps of joyful Zion
Cymbals, harps and tambourines Blow
the trumpets, sound the glory In the
presence of the Lord.*

DOA PEMBUKAAN: (Doa ini diucapkan secara spontan). 1)

LIHAT KEPADA KEHIDUPAN

Pada bulan Mac, 2013, fokus dunia tertumpu kepada Gereja Katolik akibat pemilihan Cardinal Bergoglio sebagai Paus baru. Beliau memilih nama Franciskus untuk menandakan spiritualiti dan misi seseorang Paus. Beliau mengagumi Santa Franciskus dari Assisi kerana sikapnya yang sederhana, berperikemanusiaan serta pandangannya yang betul terhadap kemiskinan berbanding dengan kemewahan, keangkuhan dan kemegahan pihak sivil dan kuasa kegerejaan pada zaman itu. Nama yang terpilih itu berpadanan dengan cara hidup

beliau yang sederhana itu. Oleh itu beliau telah pun menyentuhi perasaan berjuta-berjuta orang yang berlainan agama kerana perbuatan-perbuatannya yang begitu mengagumkan.

RENUNGAN

* Sejauh manakah kita mengenal Paus Franciskus, iaitu orang terpilih Tuhan ?

* Adakah kita sedari bahawa kita juga orang terpilih Tuhan ?

2) DENGAR FIRMAN TUHAN: YOHANES1:35 - 42

Pada keesokan harinya Yohanes berdiri di situ pula dengan dua orang muridnya. Dan ketika ia melihat Yesus lewat, ia berkata: "Lihatlah Anak do.mba Allah!" Kedua murid itu mendengar apa yang dikatakannya itu, lalu mereka pergi mengikut Yesus. Tetapi Yesus menoleh ke belakang. Ia melihat, bahawa mereka mengikut Dia lalu berkata kepada mereka: "Apakah yang kamu cari?" Kata mereka kepadanya: "Rabi (artinya: Guru), di manakah Engkau tinggal?" Ia berkata kepada mereka: "marilah dan kamu akan melihatnya." Mereka pun datang dan melihat di mana ia tinggal, dan hari itu mereka tinggal bersama-sama dengan Dia; waktu itu kira-kira pukul empat. Salah seorang dari keduanya yang mendengar perkataan Yohanes lalu mengikut Yesus adalah Andreas, saudara Simon Petrus. Andreas mula-mula bertemu dengan Simon, saudaranya, dan ia berkata kepadanya: "Kami telah menemukan Mesias (artinya: Kristus). Ia membawanya kepada Yesus. Yesus memandang dia dan berkata: "Engkau Simon, anak Yohanes, engkau akan dinamakan Kefas (artinya: Petrus)!"

RENUNGAN

* Kita membaca teks tersebut sebanyak dua kali.

* Kita memetik frasa pendek dari teks yang menyentuh perasaan kita dan membacanya secara kuat-kuat sebanyak tiga kali. Bacaan setiap frasa diselangi saat-saat senyap.

* Kita mengambil masa dua minit untuk mendengari pesanan Tuhan.

* Kita "*share*" antara satu sama lain pesanan Tuhan terhadap kita berpandukan frasa-frasa yang menyentuh perasaan kita dalam kumpulan kecil.

3) HIDUP DALAM CINTA KASIH

Sebagai seorang individu atau anggota BEC, adakah kita sedari bahawa kita harus bertindak secara adil di mana-mana sahaja yang kita berada ?

* di dalam keluarga

* di tempat bekerja / sekolah

* di BEC.

Bincangkan soalan tersebut dan kemukakanlah satu tindakan yang pratikal.

DOA PENUTUP

Kita berdoa secara spontan untuk kehendak BEC dan paroki kita.

NYANYIAN PENUTUP:

"HAPPINESS IS THE LORD *

Happiness is to know the Saviour
Living a life within His favour Having
a change in my behaviour
Happiness is the Lord!

Happiness is a new creation
Jesus and me in close relation
Having a part in His salvation
Happiness is the Lord!

Real joy is mine no matter if tear drops start
I've found the secret It's Jesus in my heart!

Happiness is to be forgiven Living a
life that's worth the living Taking a
trip that leads to heaven Happiness
is the Lord I (3)

**LITURGI: _____ "GOOD SHEPHERD SUNDA Y" - Minggu Keempat Paska (11^{hb} Mei, 2014).
HARI MINGGU GEMBALA YANG BAIK.**